


PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD	
GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENGGUNAAN DATA MIKRO JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DI UPM	

SENARAI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Tujuan	2
2	Latar Belakang	2
3	Objektif	3
4	Jenis-Jenis Data	3
5	Kegunaan Data Mikro	4
6	Lokasi Data Mikro Disimpan	4
7	Format Data Mikro JPM	4
8	Pengguna Data Mikro	4
9	Tatacara Permohonan Data Mikro	4
10	Tatacara Penggunaan Data	5
11	Pelupusan Data	6
12	Hubungi Kami	6
13	Penutup	7
14	Senarai Lampiran	7

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PENGGUNAAN DATA MIKRO
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DI UPM**



1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini menerangkan tatacara permohonan dan kaedah standard dalam urusan melaksanakan penggunaan data mikro Jabatan Perangkaan Malaysia (JP) di Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Data mikro telah dibekalkan oleh JP untuk dikongsi bersama staf, para penyelidik dan pelajar UPM. Ini merupakan satu pendekatan baru JP dalam usaha menjadikan masyarakat celik maklumat melalui perkongsian data.
- 2.2 Pelaksanaan perkongsian data akan dapat meningkatkan ketelusan pihak kerajaan yang diwakili oleh JP melalui perkongsian data yang tepat dan relevan. Tambahan pula, pendekatan ini dijangka dapat meningkatkan usaha penyelidikan oleh para penyelidik dan pendedahan kepada pelajar dalam menggunakan data sebenar.
- 2.3 Penggunaan data sebenar dalam proses pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan akan meningkatkan kefahaman ahli akademik dan pelajar dalam mengaplikasikan teori yang telah dipelajari. Usaha ini akan menjadikan pelajar lebih mahir dan bersedia apabila berhadapan dengan dunia pekerjaan kelak.
- 2.4 Pengurusan data ini amat diperlukan bagi memastikan keselamatan maklumat atau data terjamin. Garis panduan ini diwujudkan bagi menjamin kesahihan, keutuhan dan kebolehsediaan maklumat yang berterusan.
- 2.5 Penggunaan data mikro dengan cara yang tidak terkawal dan tidak bertanggungjawab adalah dianggap sebagai pelanggaran tatacara yang boleh mengancam keselamatan, keutuhan dan kerahsiaan data atau maklumat. Oleh yang demikian, garis panduan ini disediakan bagi memastikan pelanggaran seumpamanya tidak akan berlaku serta menjamin keutuhan dan integriti pihak JP dan UPM.

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PENGGUNAAN DATA MIKRO
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DI UPM**



3.0 OBJEKTIF

Objektif garis panduan ini diwujudkan adalah seperti berikut:-

- i. Pengurusan penggunaan data mikro dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, selamat dan bersistematik.
- ii. Perkongsian data menjadi lebih mudah dan pemantauan penggunaan data dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar bagi mengoptimumkan penggunaan data mikro dalam kalangan pelajar dan staf di UPM.
- iii. Memudahkan pengurus data melaksanakan penyenggaraan dan pemantauan perkongsian data dan melaporkan semua aktiviti kepada JP.

4.0 JENIS-JENIS DATA

Data mikro dengan wajaran sampel tertentu yang akan dibekalkan kepada pengguna adalah seperti berikut:

- i. Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah:
 - Tahun 2007, 2009, 2012, 2014
 - 30% daripada bilangan isi rumah dengan 22 pembolehubah
- ii. Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah:
 - Tahun 1998-1999, 2004/2005, 2009, 2014
 - 30% daripada bilangan isi rumah dengan bilangan pemboleh ubah mengikut tahun penyiasatan
- iii. Penyiasatan Tenaga Buruh:
 - Tahun 1982, 1985, 1988, 1997, 2000, 2003, 2006, 2009, 2012 (selang 3 tahun)
 - 30% daripada jumlah rekod ahli isi rumah yang berada dalam umur bekerja 15 hingga 64 tahun

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PENGGUNAAN DATA MIKRO
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DI UPM**



- iv. Banci Penduduk dan Perumahan:
 - Tahun 1980, 1991, 2000, 2010
 - 2% daripada keseluruhan data populasi Malaysia.

- v. Pembuatan Tahunan:
 - Tahun 2000, 2003, 2006, 2009, 2012
 - Mulai MSIC 2000 (selang 3 tahun); dan
 - 30% daripada jumlah pertubuhan individu tanpa wajaran.

5.0 KEGUNAAN DATA MIKRO

- i. Data Mikro yang dibekalkan hanya boleh digunakan untuk tujuan pembelajaran/kajian/ilmiah/ penyelidikan oleh staf dan pelajar UPM yang dibenarkan sahaja.

- ii. Dalam apa jua keadaan, data tidak boleh digunakan untuk tujuan mendapatkan keuntungan.

6.0 LOKASI DATA MIKRO DISIMPAN

- i. Data mikro akan disimpan di Bank Data UPM, Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat, Perpustakaan Sultan Abdul Samad dibawah pengawasan Pengurus Data bagi menjamin keselamatan data.

- ii. Data tersebut hanya boleh diserahkan kepada pengguna data apabila telah mendapat kelulusan oleh pengurus data.

7.0 FORMAT DATA MIKRO JP

Data mikro disediakan di dalam format 'text file' bersama metadata dan struktur data mikro.

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PENGGUNAAN DATA MIKRO
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DI UPM**



8.0 PENGGUNA DATA MIKRO

- i. Permohonan menggunakan data mikro ini adalah terbuka kepada staf dan pelajar yang berdaftar di UPM.
- ii. Staf yang berdaftar bermaksud staf tetap, kontrak, sementara, post doktorat atau status yang ditetapkan oleh Pejabat Pendaftar sebagai staf UPM.
- iii. Pelajar yang berdaftar pula bermaksud pelajar yang berdaftar di UPM sama ada di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana atau doktor falsafah.

9.0 TATACARA PERMOHONAN DATA MIKRO

Garis Panduan Pelaksanaan Penggunaan Data Mikro Jabatan Perangkaan Malaysia ini disediakan bagi memenuhi keperluan penggunaan, langkah-langkah perlindungan dan penguatkuasaan, agar penggunaan data yang terkawal dan perlindungan keselamatan yang lebih mantap dapat diwujudkan. Langkah ini akan dapat mengurangkan kesan negatif ke atas maklumat seperti penyelewangan, penyalahgunaan, mengeksploitasi dan pengubahsuaian data.

- i. Membuat permohonan menggunakan Borang Permohonan Data (Seksyen A) dan menandatangani Surat Aku Janji Oleh Pengguna.
- ii. Perlu mendapat pengesahan dan sokongan daripada Penyelia / Pensyarah pengguna.
- iii. Semakan akan dilakukan oleh Penyelaras/Pembantu Penyelaras Data.
- iv. Kelulusan oleh Pengurus Data/Timbangan Pengurus Data.
- v. Penyerahan data oleh Penyelaras/Pembantu Penyelaras Data kepada pengguna data (Borang Permohonan Data : Seksyen B).
- vi. Jika pengguna memerlukan penambahan pemboleh ubah mereka boleh membuat permohonan (Borang Permohonan Data : Seksyen C).

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PENGGUNAAN DATA MIKRO
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DI UPM**



- vii. Permohonan penyambungan penggunaan data, jika berkenaan (Borang Permohonan Data : Seksyen D).
- viii. Pengguna menandatangani Perakuan Pelupusan Data Mikro dan Pemulangan CD Data (Borang Permohonan Data : Seksyen E).
- ix. Pengguna menyerahkan salinan laporan hasil kajian/penyelidikan/tesis dalam bentuk salinan lembut dan salinan keras (Borang Permohonan Data : Seksyen F).

10.0 TATACARA PENGGUNAAN DATA

- i. Pengguna data yang dibekalkan dengan data mikro perlu bertanggungjawab dan patuh kepada kaedah dan tatacara penggunaan data mikro. Sebarang ketidakpatuhan atau keingkaran kepada prosedur penggunaan/pelepasan data mikro akan menyebabkan tindakan ketidakpatuhan akan diambil.
- ii. Di antara tindakan yang akan diambil akibat ketidakpatuhan adalah seperti berikut:
 - a. Amaran kepada pengguna data; dan
 - b. Diberhentikan pembekalan data.

11.0 PELUPUSAN DATA

- i. Setelah kerja-kerja yang berkaitan dengan data tersebut selesai, pengguna data perlu menyerahkan kembali data-data tersebut kepada Pengurus Data/Timbalan Pengurus Data beserta dengan salinan lembut dan keras laporan hasil kajian/penyelidikan/tesis.
- ii. Jika pengguna memerlukan penambahan bilangan pemboleh ubah, mereka boleh berbuat demikian dengan mengemukakan permohonan penambahan pemboleh ubah menggunakan Borang Permohonan Data : Seksyen C.
- iii. Jika pengguna ingin menjalankan kajian baharu dengan menggunakan data yang sama, pemohon perlu mengemukakan kertas cadangan baharu.

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PENGGUNAAN DATA MIKRO
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DI UPM**



- iv. Jika pengguna data masih lagi memerlukan data tersebut bagi melanjutkan tempoh kajian, pengguna data perlu membuat permohonan bagi tujuan penyambungan penggunaan data dengan menggunakan Borang Permohonan Data : Seksyen D.
- v. Pengguna data perlu mengisi borang pelupusan data bagi tujuan pengesahan data tersebut telah dilupuskan (Borang Permohonan Data : Seksyen E).

12.0 HUBUNGI KAMI

Permohonan untuk keterangan lanjut mengenai kandungan dokumen ini boleh ditujukan kepada:

Bank Data UPM

Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat

Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

SELANGOR

Telefon : 03-8946 8651 / 8444 / 8604 / 8655 / 8648

Faks : 03-8948 3745

E-mel : psas_sp@upm.edu.my

13.0 PENUTUP

Garis Panduan ini mengandungi prosedur dan tatacara penggunaan data mikro yang patut diikuti oleh semua pelajar, penyelidik dan staf UPM dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa selaras dengan arus perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi serta perundangan.

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PENGGUNAAN DATA MIKRO
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DI UPM**



14.0 SENARAI LAMPIRAN

- Borang Permohonan Data
 - Seksyen A : Permohonan Data
 - Seksyen B : Penyerahan Data
 - Seksyen C : Penambahan Pemboleh Ubah
 - Seksyen D : Pelanjutan Tempoh Penggunaan Data
 - Seksyen E : Perakuan Pelupusan Data Mikro dan Pemulangan CD Data
 - Seksyen F : Penyerahan Salinan Laporan
- Surat Aku Janji Oleh Pengguna

BANK DATA UPM

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN & MAKLUMAT
PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
43400 UPM SERDANG
TEL : 03-8946 8651/8444/8604/8655/8648 FAKS : 03-8948 3745
EMEL : psas_ps@upm.edu.my
URL : <http://epsas.upm.edu.my/psasripo/index.php/upm-bank-data>